

**NO. SOALAN: 48**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG]**  
**TARIKH : 31.10.2017 ( SELASA )**

**Tuan Jeff Ooi Chuan Aun** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan jadual tetap bagi pelaksanaan penentuan harga minyak secara harian dan bukannya secara mingguan seperti yang dihebahkan terdahulu. Apakah kaedah baru bagi pengiraan menetapkan harga minyak di paras runcit.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Kerajaan tidak mempunyai perancangan untuk menetapkan harga minyak secara harian kerana berpandangan bahawa penetapan harga petrol dan diesel secara mingguan ini adalah kaedah terbaik buat masa ini.